

Bab I Mengenal Sejarah

I.1 Pengertian Sejarah

1. Sejarah ialah peristiwa yang berlaku pada masa lalu.
2. Sejarah juga merupakan hasil kajian sejarawan mengenai peristiwa masa lalu yang berlaku dalam kehidupan masyarakat atau negara.
3. Sejarawan menyelidiki rekod-rekod masa lalu dan menghasilkan kajian dalam bentuk berikut:
 - a. Buku
 - b. Monograf (rencana)
 - c. Majalah
 - d. Filem dan Sebagainya
4. Pengertian sejarah daripada aspek bahasa:

Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none">✓ Berasal daripada perkataan Arab- <i>Syajaratus</i>✓ Bermaksudnya pokok, salasilah, Riwayat, keturunan dan asal usul.
Kamus Dewan	<ul style="list-style-type: none">✓ Asal usul (keturunan), salasilah, peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, dan tambo (Riwayat dahulu kala)✓ Sejarah merupakan kajian/ pengetahuan peristiwa yang lalu.
Bahasa Inggeris	<ul style="list-style-type: none">✓ <i>History</i> yang bermaksud cerita tentang seseorang.✓ Berasal daripada perkataan Yunani iaitu <i>historia</i> yang bermaksud penyelidikan.

Latihan I.1

1. Jelaskan pengertian sejarah berasaskan bahasa berikut: (4 markah)
 - a. Bahasa Melayu.
 - b. Bahasa Inggeris

2. Pada pendapat anda, apakah kesan jika sesebuah masyarakat atau negara tidak mempunyai sejarah? (6 markah)

I.2 Pengertian Sejarah Mengikut Pandangan Sejarawan

Sejarawan	Pandangan
Herodutus	✓ Penceritaan tentang tindakan manusia yang penting dan mengagumkan serta sebab berlakunya sesuatu peristiwa.
E.H. Carr	✓ Suatu proses interaksi berterusan antara ahli sejarah dengan fakta-faktanya, suatu dialog yang tidak berkesudahan antara masa kini dengan masa lampau.
Ibn Khaldun	✓ Sejarah membicarakan perkara tentang masyarakat manusia, peradaban dunia dan perubahan-perubahan yang berlaku pada sifat-sifat masyarakat itu.
Khoo Kay Kim	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Sejarah merujuk kepada apa-apa yang pernah atau sudah berlaku. ✓ Sejarah mendorong kita lebih memahami apa-apa yang berlaku pada masa kini, di samping menjamin kesilapan yang sama tidak berulang. ✓ Sejarah ialah ibu kepada semua bidang.
Muhd Yusof Ibrahim	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Sejarah ialah masa lalu itu sendiri. ✓ Sejarah juga merupakan catatan ataupun rekod tentang sesuatu peristiwa yang berlaku pada suatu masa yang lalu.

I.3 Masa Silam dan Ruang Dalam Sejarah

- I. Masa silam ialah:
 - a. Rentetan peristiwa yang telah berlaku.
 - b. Dikaji secara kronologi.
2. Kronologi merujuk kepada rentetan peristiwa yang berlaku secara teratur mengikut urutan masa dari awal hingga akhir dan bergerak mengikut satu garisan lurus.
3. Ruang masa ialah:

Dekad	10 tahun
Abad	100 tahun
Alaf	1000 tahun

4. Konsep masa dalam sejarah juga boleh diukur mengikut zaman seperti:
 - a. Zaman Sebelum Masihi (SM)- zaman sebelum kelahiran Nabi Isa AS.
 - b. Zaman Masihi (M)- zaman selepas kelahiran Nabi Isa AS.
5. Ruang masa dalam sejarah adalah luas.
6. Ini mendorong sejarawan membahagikan penulisan mereka mengikut tema seperti Politik, Ekonomi dan Sosial. (P.E.S)

7. Ruang masa dalam Sejarah Malaysia dibahagikan kepada beberapa tempoh masa seperti:
 - a. Era Kesultanan Melayu Melaka.
 - b. Kemunculan kuasa-kuasa luar.
 - c. Zaman selepas kemerdekaan.

Latihan I.3

1. Terangkan maksud bagi istilah berikut dalam konteks sejarah. (2markah)
 - a. Masa Silam

- b. Kronologi.

2. Pada pendapat anda, apakah kepentingan konsep masa dalam penulisan sejarawan? KBAT (3 markah)

I.4 Sumber Sejarah

1. Sumber sejarah terbahagi kepada dua iaitu sumber primer dan sumber sekunder.
2. Sumber Primer
 - a. Bahan belum diolah atau diterbitkan.
 - b. Bersifat asli.
 - c. Belum ditafsir.
 - d. Contohnya, fosil, artifak, bukan artifak, batu bersurat, diari, ucapan lisan, dokumen rasmi, manuskrip, fail rasmi jabatan dan surat peribadi.
3. Sumber Sekunder
 - a. Bahan yang diolah dan diterbitkan.
 - b. Contohnya, buku, majalah, akhbar, jurnal, ensiklopedia dan risalah.
4. Artifak
 - a. Peralatan ciptaan manusia.
 - b. Bahan ciptaan adalah, batu, kaca, dan logam.
 - c. Digunakan dalam perburuan, pertanian dan perdagangan.
 - d. Antaranya loceng gangsa yang ditemui di Kampung Pencu, Muar, Johor.

- e. Penemuan ini telah dijadikan sumber premier dalam kajian tentang hubungan perdagangan kerajaan Funan sejak 150 tahun masihi yang bersamaan dengan zaman perluasan kuasa kerajaan Funan.
5. Bukan Artifak
- a. Data arkeologi berkaitan budaya manusia di bawah tanah atau di atas permukaan tanah seperti dinding gua, dinding kota, dan struktur binaan.
 - b. Candi Lembah Bujang menjadi sumber premier untuk mengkaji pengaruh Hindu-Buddha dan hubungan perdagangan antara Kedah dengan India.
6. Ensiklopedia
- a. Sumber sekunder.
 - b. Kandungannya berdasarkan fakta dan sumber sejarah yang sah.
 - c. Mengandungi beberapa tema seperti sejarah awal, sejarah moden awal, seni bina, laut dan tumbuh-tumbuhan.

Latihan I.4

1. Bandingkan sumber primier dan sumber sekunder yang digunakan dalam kajian sejarawan.
(6 markah)

2. Pada pendapat anda, apakah kepentingan sumber sejarah bagi kajian sejarawan? KBAT
(4 markah)


I.5 Penyelidikan dalam Sejarah

1. Terdapat tiga kaedah penyelidikan:

- a. Kaedah bertulis.
- b. Kaedah lisan.
- c. Kaedah arkeologi.


2. Kaedah bertulis

- a. Kajian terhadap sesuatu peristiwa berdasarkan maklumat pada sumber yang ditulis atau dipahat.
- b. Tulisan tertua di Asia Tenggara dikesan di dinding gua, dipahat pada batu, ditulis pada kulit kayu, gading dan daun lontar.
- c. Kaedah bertulis juga dikaji daripada catatan harian seseorang, diari, catatan pengembara, dan fail rasmi kerajaan.
- d. Sumber catatan daripada daun lontar membantu kita mengetahui sejarah masyarakat tradisional di Asia Tenggara dalam bidang kebudayaan, keagamaan, dan perubatan.
- e. Batu Bersurat Terengganu bertarikh 702 hijrah/1303 M. yang menceritakan tentang hukum Islam. Ini menjadi bukti Islam bertapak di negara kita lebih awal dari tarikh itu.
- f. Proses Kaedah Bertulis:



3. Kaedah lisan

a. Tahap-tahap kaedah lisan:



4. Kaedah arkeologi
 - a. Kajian secara saintifik untuk mencari maklumat daripada bahan tinggalan sejarah.
 - b. Menggunakan kaedah gali cari atau ekskavasi terhadap bahan tinggalan sejarah seperti fosil, tembikar, bahan logam dan binaan daripada batu.
 - c. Proses aktiviti gali cari di tapak penemuan:
 - ✓ Perancangan grid, iaitu penandaan kawasan di tapak arkeologi.
 - ✓ Setiap petak grid akan diberikan nombor rujukan.
 - ✓ Menandakan kawasan berdasarkan pelan.
 - ✓ Melakukan ekskavasi, iaitu proses mengumpulkan data dengan mencatatkan semua penemuan.
 - d. Kerja-kerja di makmal arkeologi:
 - ✓ Melakukan pemungguhan dan pengisihan.
 - ✓ Membuat pengisihan mengikut jenis artifak atau lapisan tanah.
 - ✓ Melakukan pembersihan sebelum membuat kajian.
 - ✓ Membuat katalog bagi setiap artifak dengan nombor pengenalan.
 - ✓ Membuat analisis bagi mendapatkan maklumat tentang sesuatu artifak.
 - e. Arkeologi bawah air ialah kajian saintifik tentang sejarah peninggalan manusia yang terdampar di dasar laut,, sungai atau tasik.
 - ✓ Antaranya, adalah mengkaji kapal dagang yang tenggelam dan karam di dasar laut.
 - ✓ Jabatan Warisan Negara dan Universiti Malaysia Sabah berperanan terhadap pembangunan bidang arkeologi bawah air.

Latihan I.5

- I. Jelaskan proses kaedah bertulis dalam penyelidikan sejarah. (10 markah)

2. Pada pendapat anda, apakah kepentingan dalam usaha menyakinkan orang sumber untuk memberi kerjasama dengan menggunakan kaedah lisan? (4 markah)

3. Pada pendapat anda, apakah kekangan yang kemungkinan akan dihadapi oleh ahli arkeologi dalam usaha melakukan proses aktiviti gali cari di tapak penemuan? (6 markah)

I.6 Tafsiran dalam Sejarah

1. Tafsiran dalam sejarah bermaksud menerangkan atau mengulas sesuatu fakta sejarah berdasarkan sumber-sumber yang berkaitan dengannya.
2. Tafsiran tentang sesuatu sejarah yang sama mungkin berbeza antara sejarawan.
3. Sebab wujudnya perbezaan tafsiran dalam sejarah:
 - a. Pemilihan sumber yang pelbagai.
 - b. Perbezaan pandangan.
 - c. Perbezaan ideologi.
 - d. Tujuan penulisan.
4. Kepentingan tafsiran dalam sejarah:
 - a. Menggalakkan kita menggunakan pelbagai sumber dalam menghasilkan penulisan sejarah dengan bukti yang kukuh.
 - b. Mendorong kita berfikiran terbuka dan kritis dalam mengkaji peristiwa sejarah dengan menggunakan pelbagai sumber sejarah.
 - c. Meminta kita menilai sesuatu peristiwa sejarah yang sama tetapi dilihat dari sudut yang berbeza.

Latihan I.6

1. Mengapakah wujud tafsiran yang berbeza dalam penyelidikan sejarah? (6 markah)

I.7 Kepentingan Mempelajari Sejarah

1. Menenal asal usul.
 - a. Mempelajari sejarah membantu kita mengenal asal usul keluarga dan negara.
 - b. Kita juga akan memahami adat istiadat, tradisi, dan budaya bangsa.
2. Mengambil iktibar.
 - a. Sejarah memberi iktibar dan pengajaran.
 - b. Menggelakkan kita daripada mengulangi kesilapan masa lalu.
3. Memupuk patriotisme.
 - a. Sejarah dapat menyuntik semangat cinta akan negara dengan peristiwa yang telah berlaku pada masa dahulu di negara kita.
 - b. Generasi baru dapat menghayati serta berasa bangga dengan usaha yang telah dilakukan oleh tokoh pejuang tanah air.
4. Mengukuhkan perpaduan.
 - a. Mempelajari kepentingan dan kesedaran kehidupan harmoni dalam masyarakat yang berbilang kaum.
 - b. Menghargai keamanan dan permuafakatan yang terjalin antara kaum.
5. Membangunkan negara dan bangsa.
 - a. Memupuk nilai sanggup untuk berkorban untuk negara dengan sanggup memajukan negara tanpa mementingkan diri sendiri.
 - b. Belajar tentang kejayaan yang dicapai negara kita serta menjadi rangsangan penting dalam usaha memajukan negara.
6. Mengaplikasikan kemahiran pemikiran sejarah.
 - a. Memupuk pemikiran kritis dan analitik dalam mentafsir peristiwa sejarah.
 - b. Boleh menghubungkan peristiwa sejarah dalam kehidupan.

Latihan I.7

- I. Pada pendapat anda, bagaimanakah sejarah memainkan peranan dalam pembangunan negara kita? (8 markah)
